

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, October 18, 2018 10:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Dua Subjek UUM Tersenarai Dalam Times Higher Education World University Rankings By Subject 2019



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

18 OKTOBER 2018 / 09 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Institut Pengurusan Kualiti

DUA SUBJEK UUM TERSENARAI DALAM TIMES HIGHER EDUCATION WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT 2019



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali lagi mencipta sejarah apabila dua subjek utama universiti iaitu *Business and Economics* dan *Social Sciences* buat pertama kalinya disenaraikan dalam Times Higher Education World University Rankings by Subject 2019 yang diterbitkan pada 17 Oktober 2018 melalui portal <https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/by-subject>.

Bagi subjek *Business and Economics*, UUM telah disenaraikan dalam kelompok 401-500 universiti terbaik dunia. Antara bidang yang dikategorikan dalam subjek *Business and Economics* ialah *Business and Management*, *Economics and Econometrics*, dan *Accounting and Finance*.


Manakala bagi subjek *Social Sciences*, UUM telah disenaraikan dalam kelompok 501-600 universiti terbaik dunia. Subjek ini melibatkan bidang *Communication and media studies*, *Politics and international studies (including development studies)*, *Sociology* dan *Geography*.

Naib Canselor, Prof Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani meluahkan rasa gembira dan bangga di atas penyenaian dua bidang utama universiti dalam Times Higher Education World University Rankings by Subject 2019 kali ini.

Menurut beliau, ini adalah satu pencapaian yang hebat hasil kerja keras semua warga universiti bagi memartabatkan UUM di peringkat antarabangsa.

"Saya berharap momentum ini dapat diteruskan dan dikekalkan agar UUM terus melangkah ke hadapan serta terus berusaha meningkatkan kualiti akademik dan penyelidikan universiti selain berusaha untuk menginsankan pendidikan," ujarnya

Times Higher Education World University Rankings by Subject mengguna pakai 13 indikator yang dikategorikan dalam lima kategori utama iaitu *Teaching: the learning environment*, *Research: volume, income and reputation*, *Citations: research influence*, *International outlook: staff, students and research* dan *Industry income: innovation*.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.